

## **ARAHAN DAN PANDUAN PENDAFTARAN UJIAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU TAHUN 2023**

**Arahan dan Panduan Pendaftaran Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru ini mengandungi maklumat yang berikut:**

- 1 Sasaran guru yang perlu menduduki ujian
- 2 Komponen ujian
- 3 Bayaran untuk menduduki ujian
- 4 Kalendar ujian
- 5 Pendaftaran
- 6 Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK)
- 7 Penyata Pendaftaran Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/PP)
- 8 Angka giliran calon dan pusat ujian
- 9 Slip Daftar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/D)
- 10 Pembetulan maklumat calon
- 11 Perpindahan pusat ujian/Menumpang pusat ujian
- 12 Penarikan diri dan penanguhan daripada menduduki ujian
- 13 Keputusan ujian

### **1 SASARAN GURU YANG PERLU MENDUDUKI UJIAN**

Guru-guru bahasa Melayu yang sedang mengajar bahasa Melayu di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah menengah kebangsaan, sekolah menengah jenis kebangsaan, dan sekolah agama bantuan kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penentuan guru yang perlu menduduki ujian ini mengikut tahun adalah ditentukan oleh KPM.

Sila rujuk Surat Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (KPPM) yang bernombor rujukan, bil. KPM.500-8/3/17 Jld. 3(4) bertarikh 21 Julai 2022 tentang **PELAKSANAAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG) DI BAWAH INISIATIF #108 PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU TAHUN 2022 – 2025**.

Senarai nama guru yang terpilih menduduki UPBMG pada tahun 2023 juga boleh disemak dalam sistem pendaftaran UPBMG melalui pautan <http://apps.mpm.edu.my/upbmg/public/register>, manakala maklumat lanjut UPBMG terdapat pada Laman MANTAP BM di pautan <http://sites.google.com/moe-dl.edu.my/upbmg/utama> dan portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di pautan <http://www.mpm.edu.my/>.

## 2 KOMPONEN UJIAN

Kertas yang ditawarkan meliputi **empat komponen** seperti yang berikut:

Kod Kertas	Nama Kertas	Pemberat	Tempoh Menjawab
300/1	Bertutur	25%	30 minit
300/2	Membaca	25%	60 minit
300/3	Menulis	25%	90 minit
300/4	Mendengar	25%	30 minit

\* Maklumat lanjut, sila rujuk spesifikasi dan format ujian di portal Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) di <http://www.mpm.edu.my>.

## 3 BAYARAN UNTUK MENDUDUKI UJIAN

Percuma dan ditanggung sepenuhnya oleh KPM.

## 4 KALENDAR UJIAN

**Kalendar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru Tahun 2023** boleh dirujuk di portal MPM <http://www.mpm.edu.my> bagi mengetahui tarikh pendaftaran dan tarikh ujian.

## 5 PENDAFTARAN

- (a) Pendaftaran dibuat secara dalam talian melalui portal MPM di <http://apps.mpm.edu.my/upbmg/public/register>.
- (b) Calon boleh memilih pusat ujian yang dikehendaki semasa membuat pendaftaran tetapi **ketetapan pusat ujian adalah tertakluk kepada Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (SPP, JPN)**. SPP, JPN berhak untuk menutup pusat ujian sedia ada dan memindahkan calon ke pusat lain jika bilangan calon tidak mencukupi. Pusat sebenar calon akan dimaklumkan di dalam **Slip Daftar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/D)**.

## 6 CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS (CBPK)

- (a) Calon Berkeperluan Pendidikan Khas (CBPK) dari segi **penglihatan** (buta atau rabun), **anggota** (spastik), **pendengaran** (kurang dengar/pekak), **pertuturan** (sengau/gagap), dan selain daripada yang dinyatakan hendaklah dimaklumkan ke MPM (u.p **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**) dan SPP, JPN **selewat-lewatnya tiga hari** selepas pendaftaran ditutup.
- (b) Maklumat tentang ketidakupayaan dan kemudahan yang dipohon hendaklah dimaklumkan dengan jelas dan lengkap dalam **Borang Maklumat Calon Cacat Penglihatan (Buta), iaitu UPBMG/C5** atau **Borang Maklumat Calon Istimewa, iaitu UPBMG/C6** (mana-mana yang berkenaan mengikut jenis ketidakupayaan calon). Sila sertakan salinan dokumen sebagai bukti ketidakupayaan yang dialami seperti laporan perubatan, Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan pengesahan Pengetua/Guru Besar. **Kemudahan yang boleh diberikan kepada CBPK hanya akan dipertimbang jika borang UPBMG/C5 atau UPBMG/C6 (mana-mana yang berkenaan) diterima oleh MPM.**

Untuk mendapatkan borang tersebut, sila klik <http://www.mpm.edu.my/upbmg/borang>.

## 7 PENYATA PENDAFTARAN UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG/PP)

- (a) Butiran pendaftaran awal calon boleh disemak melalui **Penyata Pendaftaran Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/PP)**. Calon hendaklah **mencetak/menyimpan UPBMG/PP dalam format pdf** sebagai bukti pendaftaran telah berjaya. **Pendaftaran masih belum lengkap/tidak berjaya sekiranya UPBMG/PP gagal dicetak/disimpan**. Pusat ujian yang dinyatakan dalam UPBMG/PP  **mungkin** akan berubah pada **UPBMG/D**.
- (b) Sekiranya calon mendapati terdapat kesilapan maklumat selepas mencetak UPBMG/PP, calon perlu memohon pembetulan butiran pendaftaran dengan menghantar **Borang Pembetulan Maklumat Calon (UPBMG/C9)** ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**) atau melalui e-mel [upbmg@mpm.edu.my](mailto:upbmg@mpm.edu.my) dengan menyertakan bersama salinan kad pengenalan dan UPBMG/PP yang silap tersebut tanpa dikenakan bayaran. Pindaan maklumat ini akan dibuat pada Slip Daftar Ujian Penguasaan Bahasa Melayu Guru (UPBMG/D) kelak.

## 8 ANGKA GILIRAN CALON DAN PUSAT UJIAN

- (a) Angka giliran calon akan ditetapkan oleh MPM. Angka giliran calon ini akan diberitahu melalui slip daftar UPBMG/D.
- (b) Penempatan calon di sesebuah pusat ujian adalah tertakluk kepada kelulusan SPP, JPN. **SPP, JPN berhak untuk memindahkan calon ke pusat lain daripada pusat yang telah dipilih oleh calon.**

## 9 SLIP DAFTAR UJIAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU GURU (UPBMG/D)

- (a) Pengesahan butiran pendaftaran calon untuk menduduki UPBMG akan dimaklumkan kepada calon dalam slip UPBMG/D melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my> **mulai 4 Ogos 2023**. Jika maklumat calon tiada dalam semakan UPBMG/D, sila hubungi **Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi, MPM** melalui talian 03-6126 1634/1745 atau e-mel ke [upbmg@mpm.edu.my](mailto:upbmg@mpm.edu.my) dengan kadar **SEGERA**.
- (b) Calon hendaklah menyemak butiran yang tercatat pada UPBMG/D seperti nombor kad pengenalan, ejaan nama, angka giliran, pusat untuk menduduki ujian, tarikh, dan waktu ujian.
- (c) Calon perlu **menyemak dan mencetak UPBMG/D sendiri** dan **membawanya ke pusat ujian** pada hari ujian sebagai tiket untuk menduduki ujian.

## 10 PEMBETULAN MAKLUMAT CALON

- (a) Calon hendaklah menyemak maklumat pendaftaran pada UPBMG/PP yang boleh dicetak dan disimpan dalam format pdf sebaik sahaja melengkapkan pendaftaran dalam talian bagi memastikan semua maklumat adalah betul.
- (b) Sekiranya terdapat maklumat yang silap, calon hendaklah melengkapkan **Borang Pembetulan Maklumat Calon (UPBMG/C9)** dan menghantarnya dengan **kadar segera** ke MPM (u.p. **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**). Permohonan pembetulan maklumat yang diterima dalam tempoh dua minggu selepas UPBMG/D dimuat naik **tidak dikenakan bayaran**.

Untuk mendapatkan borang **UPBMG/C9**, sila klik <http://www.mpm.edu.my/upbmg/borang>.

- (c) Borang UPBMG/C9 yang diterima di MPM **selepas dua minggu UPBMG/D dimuat naik** di portal MPM akan dikenakan bayaran **RM45.00**. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang/*Bank Draft* atas nama Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia.

**UPBMG/D dengan maklumat yang silap masih sah digunakan untuk menduduki UPBMG dan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Pengawas untuk dicatatkan dalam Buku Rekod Pengawasan (BRP).**

**Pembetulan selepas UPBMG/D dimuat naik hanya akan dibuat pada maklumat keputusan yang akan dikeluarkan kelak.**

- (d) Calon hendaklah menggunakan nombor kad pengenalan yang sama semasa ujian kelak. Sebarang kesilapan akan menimbulkan salah faham dengan pengawas ujian dan akan menyusahkan calon sendiri.

## 11 PERPINDAHAN PUSAT UJIAN/MENUMPANG PUSAT UJIAN

- (a) Permohonan perpindahan/menumpang pusat ujian yang lain hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Perpindahan Pusat Ujian (UPBMG/C2)**. Permohonan hendaklah dihantar ke SPP, JPN dan salinan kepada **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi, MPM**. Permohonan untuk berpindah/menumpang pusat ujian dalam daerah yang sama **tidak** dibenarkan.

Untuk mendapatkan borang **UPBMG/C2**, sila klik <http://www.mpm.edu.my/upbmg/borang>.

- (b) Permohonan perpindahan/menumpang pusat ujian atas alasan **arahan daripada Ketua Jabatan dan urusan rasmi kerajaan** akan **dikecualikan bayaran**. Bagi permohonan atas **sebab-sebab selain daripada urusan rasmi kerajaan**, calon akan dikenakan bayaran sebanyak **RM45.00** dan bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Kiriman Wang/*Bank Draft* atas nama Ketua Eksekutif, Majlis Peperiksaan Malaysia. Permohonan perpindahan/menumpang pusat ini mestilah disertakan bersama-sama dengan **bukti sokongan** untuk dipertimbangkan.

**Permohonan calon hanya akan dipertimbangkan jika kertas soalan di pusat berkenaan mencukupi.**

- (c) Tarikh tutup permohonan perpindahan/menumpang pusat UPBMG ialah **tiga minggu sebelum tarikh ujian**.
- (d) Calon perlu menyemak, mencetak, dan membawa surat kelulusan perpindahan/menumpang pusat ujian pada hari ujian kelak. Surat tersebut akan die-melkan ke alamat e-mel calon dan pihak MPM **tidak akan mengubah UPBMG/D yang sedia ada di portal mengikut pusat ujian tumpang yang baharu tersebut**. Sila guna UPBMG/D sedia ada ini untuk tujuan menumpang pusat.

## 12 PENARIKAN DIRI DAN PENANGGUHAN DARIPADA MENDUDUKI UJIAN

- (a) Secara umumnya, calon **tidak dibenarkan untuk menarik diri** daripada ujian selepas membuat pendaftaran (rujuk perenggan 7 dalam surat edaran **Pengarah Institut Pendidikan Guru Malaysia No. Ruj. KPM.500-8/3/17(95) yang bertarikh 22 Disember 2021**).
- (b) Penarikan diri dan penangguhan daripada menduduki ujian perlulah mendapat kelulusan daripada KPM. Sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila hubungi pegawai di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) yang berikut:

<i>Bil</i>	<i>Nama</i>	<i>E-mel/Telefon</i>
1.	YBrs. Dr Zanariah binti Ibrahim	Emel: upbmg@ipgkbm.edu.my Telefon: 03-83126741
2.	YBrs. Dr. Wan Norlidza binti Wan Mohd Zain	E-mel: upbmg@ipgkbm.edu.my Telefon: 03-22814404

- (c) Keputusan yang diperoleh hendaklah dikemukakan kepada **Setiausaha Bahagian, Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**, MPM berserta bukti kelulusan KPM selewat-lewatnya **sebulan** sebelum ujian.

## 13 KEPUTUSAN UJIAN

- (a) Keputusan UPBMG akan diumumkan pada portal MPM.
- (b) Calon juga boleh mencetak sijil UPBMG daripada portal MPM.

**Bahagian Pembinaan dan Pengendalian Kompetensi**  
**Majlis Peperiksaan Malaysia**  
**29 Mei 2023**